

E-Testing dilaksana tahun depan

JOHOR BAHRU: Kementerian Pengangkutan akan melaksanakan sistem e-Testing iaitu kaedah untuk menilai pemanduan dan pembelajaran menggunakan komputer, tahun depan. Menteriinya, Anthony Loke Siew Fook berkata, sistem ini adalah projek perintis dibangunkan syarikat Hei Tech Padu Berhad.

Menurutnya, ia akan dijalankan di tiga sekolah memandu di negeri ini selama tiga bulan bermula akhir Ogos hingga November ini sebelum diperluas ke seluruh negara. “Saya berpuas hati dengan tahap kesediaan ‘e-Testing’ ini, satu sistem lebih telus kepada pelajar sekolah memandu, sekaligus tiada lagi unsur pemberian lessen kopi ‘o’ atau lessen terbang. “Tiga pusat latihan memandu yang berlainan skala telah dipilih iaitu di Pusat Latihan Memandu Sri Jaya Sdn. Bhd, Simpang Renggam; Pusat Latihan Memandu Ulu Tiram dan Pusat Latihan Memandu Jaya Berhad, Johor Bahru,” katanya pada sidang media, semalam.

Anthony berkata, e-Testing secara tidak langsung dapat melihat hala tuju sistem ujian memandu dan melahirkan pemandu lebih mahir. Beliau turut memberi jaminan pelaksanaan sistem ini tidak akan membebankan semua pihak terlibat termasuk pelajar dan institute memandu.

SUMBER: SINAR HARIAN | M/S: 11 | 31 JULAI 2018